

12 NOV 2001

Maghribi-Tiba

PERDANA MENTERI MAGHRIBI TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Maghribi Abderrahmane El Youssofi tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan empat hari ke Malaysia.

Ketibaan Abderrahmane, isterinya, Helena dan rombongan 36 anggota di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang disambut Menteri Luar Negeri Datuk Seri Syed Hamid Albar dan isteri Datin Seri Sharifah Aziah Syed Zainal Abidin.

Esok, Abderrahmane dijadual bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang mengenai usaha meningkatkan hubungan dua hala dan bertukar-tukar pendapat mengenai politik dan pembangunan ekonomi antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian akan menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan Syarikat Moroccan Information TechnoPark.

Pada sebelah tengah hari, Abderrahmane akan diraikan pada jamuan makan oleh Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia (NCCIM).

Perdana Menteri Maghribi itu kemudian akan mengunjungi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Terengganu di sini.

Pada hari ketiga lawatannya, Abderrahmane dan rombongan akan melawat MDC di Cyberjaya dan bangunan tertinggi di dunia, Menara Berkembar Petronas.

Beliau dan rombongan akan berlepas ke Paris pada sebelah malam Khamis.

Perdagangan dua hala antara kedua-dua buah negara sekarang memihak kepada Malaysia di mana sehingga Ogos tahun ini, jumlah eksport Malaysia ke Maghribi berjumlah RM43.8 juta dengan import bernilai RM7.2 juta.

Malaysia mengeksport kebanyakannya barangan elektronik, peralatan rumah, barangan getah dan kimia manakala negara di Afrika Utara itu membekalkan barangan makanan dan tekstil.

-- BERNAMA

HK AFY MOZ